

Cabaran pendidikan tinggi berdepan impak COVID-19

Ekosistem pendidikan tinggi banyak dipengaruhi faktor teknologi, globalisasi dan ekonomi. Namun, belum ada pemacu perubahan memberikan impak terhadap universiti seperti pandemik COVID-19 ini.

Cabaran COVID-19 memaksa universiti seluruh dunia melaksanakan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) menggunakan teknologi. Walaupun sebelum ini, kebanyakan universiti sudah lama merancang untuk meluaskan penggunaan teknologi dalam pendidikan.

Transisi penggunaan teknologi secara sepenuhnya pula perlu dilakukan secara drastik berikutan penutupan kampus universiti. Dalam keadaan semasa, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan bagi memastikan sumber universiti dapat menyokong keperluan penggunaan teknologi untuk PdP.

Globalisasi pendidikan juga berlaku pesat yang merangsang pelbagai kerjasama dan mobiliti akademia serta pelajar pada peringkat antarabangsa. Manfaat globalisasi turut menjayakan aspirasi menjadikan negara sebagai hab pendidikan sedunia.

Namun, inisiatif pengantarabangsaan kini terhad berikutan tindakan penutupan sempadan negara bagi mengawal penularan wabak. Paling ter-kesan, termasuk pelajar antarabangsa ke universiti tempatan dengan jangkaan bilangan enrolmen menyusut.

Sebelum ini, universiti tempatan turut berdepan cabaran kekangan kewangan berikutan ketidaktentuan ekonomi. Dengan itu, universiti menggerakkan pelbagai inisiatif kemampunan kewangan bagi terus menawarkan pengalaman pendidikan berkualiti.

Antaranya melalui pemerkasaan sumber endowment dan peningkatan komersialisasi aset pengetahuan serta aset fizikal universiti. Dalam keadaan semasa, wabak COVID-19 memberikan impak berganda terhadap pemuliharaan kewangan universiti.

Semua perkara diutarakan ini memberikan gambaran universiti menghadapi cabaran pandemik merentas impak teknologi, globalisasi dan ekonomi secara serentak. Dalam konteks ini, universiti perlu terus berkhidmat dalam memenuhi amanah pendidikan untuk kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Namun, strategi dan pelaksanaan agenda pendidikan universiti perlu disesuaikan keperluan semasa terutama membabitkan aspek keselamatan dan kesihatan. Harus diakui banyak perkara di luar jangka berlaku berikutan gelombang ketiga penyebaran wabak COVID-19.

Mengikuti perancangan sebelum ini, pelajar universiti masih dikehendaki mengikuti pembelajaran secara dalam talian kecuali untuk kursus perlu bersemuka dengan syarat pematuan ke-

pada panduan kesihatan. Hanya yang berbeza ialah pelajar disarankan berada di kampus bagi memudahkan akses kepada kandungan pembelajaran.

Pengumuman semasa yang menyarankan penangguhan pelajar untuk pulang ke kampus menyebabkan operasi universiti perlu disesuaikan kembali buat sementara ini. Selain itu, pendaftaran pelajar baharu juga perlu dilakukan secara dalam talian.

Sewaktu saranan diumumkan, terdapat pelajar yang dalam perjalanan ke kampus untuk pendaftaran. Didapati universiti terbabit berikhtiar sebaiknya dengan menawarkan pilihan sama ada untuk pelajar kekal di kampus mengikut panduan kawalan kesihatan ataupun kembali semula ke kediaman.

Menariknya, masyarakat kita turut bersama prihatin dengan menawarkan bantuan kediaman sementara kepada pelajar dan keluarga memerlukan. Usaha kolektif sebegini ialah satu refleksi terhadap sinergi kita bersama sejak fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam membendung penularan wabak.

Secara khusus, sekurang-kurangnya tiga aspek berikut terus menjadi agenda keprihatinan universiti terhadap pelajar. Pertama, memastikan pelajar baharu disantuni sebaiknya bagi menjalani pengalaman pembelajaran kekal berkualiti.

Mengikuti perancangan asal, lebih 67,000 pelajar baharu perlu mendaftar secara bersemuka dan seterusnya berada di kampus. Pengalaman kehidupan di kampus dengan sokongan kepelbagaian aktiviti berserta kemudahan ialah komponen pembangunan pelajar bersepadu.

Kini, pelajar terbabit perlu mengikuti minggu induksi atau orientasi universiti secara dalam talian terlebih dahulu. Dengan harapan, program suluan penyesuaian pelajar dapat dilakukan selepas keadaan pulih untuk membenarkan pelajar berada di kampus.

Tentunya universiti perlu terus ber-

peranan menyambung tanggungjawab pendidikan bagi memenuhi impian setiap keluarga pelajar. Kesungguhan keluarga dalam berikhtiar bagi memastikan setiap pelajar mendapat pendidikan terbaik tetap dihargai.

Kedua, universiti akan memastikan kebajikan pelajar baharu dan sedia ada kekal terjaga seperti bantuan semasa fasa pertama PKP. Kita masih terkesan dengan inisiatif universiti bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam membantu kehidupan pelajar di kampus serta melaksanakan operasi penghantaran pulang pelajar ke kediaman masing-masing.

Dalam keadaan semasa, ramai pelajar mengutarakan berkenaan kos perbelanjaan yang mereka keluarkan untuk mendaftar atau pulang ke kampus. Buat permulaan, KPT mengadakan perbincangan dengan syarikat pengangkutan bagi menjadualkan semula tarikh perjalanan pelajar. Diyakini kapasiti bantuan kebajikan seperti ini diperluaskan yang pelajar boleh menghubungi talian bantuan dan bilik gerakan KPT dan universiti.

Selain sumbangan pelbagai kementerian dan kerajaan negeri, kita harus memuji tindakan pertubuhan dan individu yang bersama membantu serta memulakan inisiatif pendanaan awam bagi membantu pelajar kurang berkemampuan. Bagi universiti, usaha seumpamanya kekal diteruskan seperti

sebelumnya dengan penerusan dana bantuan untuk kebajikan dan pemeraksanaan tabung endowment pelajar.

Keprihatinan universiti juga diteruskan bagi memastikan pembelajaran secara dalam talian berlaku secara terangkum dengan mengambil kira latar belakang dan pengalaman semua pelajar. Pengalaman pada semester pengajian lalu dapat dijadikan rujukan bagi memastikan proses pembelajaran pada semester baharu lebih efektif.

Ketiga, universiti juga terus berusaha membantu pelajar yang bergaduan bagi meningkatkan nilai kebolehpekerjaan dalam mendepani keadaan ekonomi semasa. Pelancaran Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PEN-JANA) melalui program pembangunan kerjaya di bawah seliaan KPT adalah bertepatan dengan hasrat menyediakan sokongan berterusan untuk kerjaya graduan universiti.

Mengikuti perancangan, program ini menasarkannya untuk menyediakan latihan kompetensi pekerjaan melalui pematuan universiti bersama industri dan latihan keusahawanan bagi penubuhan syarikat pemula. Fokus juga diberikan kepada latihan kompetensi untuk memastikan graduan dapat meneroka sumber pendapatan melalui ekonomi gig.

Sememangnya universiti perlu bersedia melalui pelan perancangan dan persediaan, termasuk komunikasi berkesan untuk terus beradaptasi dengan keperluan semasa sentiasa berubah. Namun, keprihatinan universiti tetap kekal dalam mendepani semua keadaan.

Kefahamannya adalah pencegahan lebih baik daripada perawatan dengan pertimbangan kepada kesihatan dan keselamatan perlu diutamakan. Kita perlu terus bekerjasama menjaga sesama kita bagi memastikan kelangsungan agenda pendidikan untuk manfaat semua.

Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia

Semua perkara diutarakan ini memberikan gambaran universiti menghadapi cabaran pandemik merentas impak teknologi, globalisasi dan ekonomi secara serentak.



Dr Mohd Bakar Bakar